

MAJLIS OLIMPIK MALAYSIA

Diiktiraf oleh Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC)

Bergabung dengan:-

Persatuan Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan (ANOC)
Majlis Olimpik Asia (OCA)
Persekutuan Sukan Asia Tenggara (SEAGF)
Persekutuan Sukan Komanwel (CGF)
Persekutuan Sukan Perpaduan Islam (ISSF)
Majlis Perpaduan Sukan Wanita Negara-Negara Islam
Perhimpunan Antarabangsa Konfederasi Sukan Kebangsaan
Kumpulan Kemudahan Sukan dan Rekreasi Antarabangsa

LAPORAN TAHUNAN KEDUAPULUH TUJUH BAGI TEMPOH 11HB JUN 2008 HINGGA 15HB MEI 2009

1. PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN MOM KE-27

Perhimpunan Agung Tahunan MOM Ke-27 telah diadakan pada 28hb Jun 2008 jam 2.00 petang di Tingkat 3, Kompleks Sukan Tertutup MOM, Wisma OCM, Kuala Lumpur. Seramai 88 delegasi yang layak mengundi mewakili 30 Ahli Biasa daripada 34 Ahli Biasa dan 6 delegasi yang tidak layak mengundi daripada 16 Ahli Bersekutu telah hadir. Perhimpunan Agung Tahunan Ke-27 telah sebulat suara meluluskan Laporan Tahunan Ke-26 bagi tempoh 1hb Jun 2007 hingga 10hb Jun 2008, Penyata Akaun yang telah diaudit bagi tempoh 1hb Januari hingga 31hb Disember 2007, cadangan pindaan beberapa Artikel dalam Perlembagaan MOM supaya seragam dengan Piagam Olimpik. Memandangkan tahun ini tiada pemilihan Pemegang Jawatan, maka Pemegang Jawatan MOM yang dilantik bagi sesi 2007/2009 kekal seperti berikut:-

Presiden	:	YAM Tunku Tan Sri Imran ibni Almarhum Tuanku Ja'afar
Timbalan Presiden	:	YBhg Datuk Dr. M. Jegathesan
Naib Presiden	:	YBhg Prof. Dato' Ar. W.Y. Chin Cik Low Beng Choo YBhg Prof. Dato' Dr. Zakaria Ahmad YBhg Dato' Roy Rajasingham YBhg Dato' Seri Dr. Ibrahim Saad
Setiausaha Kehormat	:	YBhg Dato' Sieh Kok Chi
Bendahari Kehormat	:	YBhg Dato' Seri Kee Yong Wee
Pen. Setiausaha Kehormat	:	Cik Moira Tan Siew See Encik Ramlay Ibrahim
Pen. Bendahari Kehormat	:	Encik Rosmanizam Abdullah

Bekas Presiden dan Ahli Kehormat IOC, YBhg Datuk Setia Raja, Tan Sri Datuk Seri Hamzah Haji Abu Samah, kekal sebagai Presiden Seumur Hidup Majlis Olimpik Malaysia.

2. LEMBAGA EKSEKUTIF

Ahli Lembaga Eksekutif Majlis Olimpik Malaysia terdiri daripada Pemegang Jawatan dalam Majlis Olimpik Malaysia dan beberapa ahli tambahan seperti berikut:-

Encik Chua Ah Tok (Pengarah, Akademi Olimpik Kebangsaan Malaysia)
YBhg Dato' Mohd Yasin Mohd Salleh (Ketua Setiausaha, Kementerian Belia dan Sukan) mulai 1hb Disember 2006
YBhg Dato' Dr. Ramlan Abd. Aziz (Ketua Pengarah, Majlis Sukan Negara) mulai 24hb Ogos 2005
YBhg Dato' Zolkples Embong (Ketua Pengarah, Majlis Sukan Negara) mulai 25hb April 2007
YBhg Dato' Dr. Ramlan Abd. Aziz (Ketua Pengarah, Institut Sukan Negara) mulai 25hb April 2007.
Encik Raymond Gai Panting (Pengarah, Pengurusan Sukan, Jabatan Pendidikan Jasmani & Sukan) mulai 22hb April 2006.

3. AHLI-AHLI

Berdasarkan kepada perjanjian yang dicapai di antara YB Menteri Belia dan Sukan dan parti yang bertelagah iaitu Persatuan Taekwondo Malaysia (MTA), Persekutuan Taekwondo Malaysia (MTF) dan Persatuan Kelab-Kelab Taekwondo Malaysia (MTCA), maka MTA telah dibubar pada 10hb Mac 2009 dan Jawatankuasa Ad-Hoc telah ditubuhkan untuk mengurus sukan Taekwondo sehingga pertelingkahan diselesaikan. YAM Tunku Tan Sri Imran ibni Almarhum Tuanku Ja'afar dan YBhg Dato' Roy Rajasingham, masing-masing telah dilantik sebagai Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Ad-Hoc.

Mesyuarat Majlis MOM Ke-149 yang telah diadakan pada 26hb Julai 2008 telah meluluskan Persekutuan Hoki Ais Malaysia menjadi Ahli Bersekutu. Mesyuarat Majlis MOM Ke-151 yang telah diadakan pada 7hb Februari 2009 telah meluluskan Persekutuan Bola Baling Malaysia sebagai Ahli Biasa daripada Ahli Bersekutu sebelum ini.

Jumlah keahlian Majlis Olimpik Malaysia kini adalah sebanyak limapuluh (50) yang terdiri daripada tigapuluh empat (34) Ahli Biasa dan enam belas (16) Ahli Bersekutu. Keahlian tersebut adalah seperti berikut:-

Ahli Biasa

1. Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia
2. Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia
3. Persatuan Badminton Malaysia
4. Persatuan Bola Keranjang Malaysia
5. Persekutuan Bina Badan Malaysia
6. Kongres Tenpin Boling Malaysia
7. Persekutuan Tinju Amatur Malaysia
8. Persatuan Kriket Malaysia
9. Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia
10. Persatuan Ekuestrian Malaysia
11. Persekutuan Lawan Pedang Malaysia
12. Persatuan Bolasepak Malaysia
13. Persatuan Golf Malaysia
14. Persekutuan Gimnastik Malaysia
15. Persekutuan Bola Baling Malaysia
16. Persekutuan Hoki Malaysia
17. Persekutuan Judo Malaysia
18. Persekutuan Karate Malaysia
19. Persekutuan Lawn Bowls Malaysia
20. Persatuan Lawn Tennis Malaysia
21. Persatuan Bola Jaring Malaysia
22. Kesatuan Ragbi Malaysia
23. Persatuan Sepaktakraw Malaysia
24. Persatuan Menembak Kebangsaan Malaysia
25. Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia
26. Persekutuan Snooker dan Billiards Malaysia
27. Persatuan Sofbol Malaysia
28. Persatuan Squash Malaysia
29. Persatuan Renang Amatur Malaysia
30. Persatuan Ping Pong Malaysia
31. Persatuan Bola Tampar Malaysia
32. Persekutuan Angkat Berat Malaysia
33. Persekutuan Wushu Malaysia
34. Persatuan Pelayaran Malaysia

Ahli Bersekutu

1. Persatuan Aikido Malaysia
2. Persekutuan Besbol Malaysia
3. Persekutuan Catur Malaysia
4. Persatuan Kanu Malaysia
5. Malaysian DanceSport Berhad
6. Persatuan Sukan Ekstrem Malaysia
7. Persekutuan Hoki Ais Malaysia
8. Persatuan Kabaddi Malaysia
9. Persatuan Golf Wanita Malaysia
10. Persekutuan Mendaki Malaysia
11. Persekutuan Petanque Malaysia
12. Persatuan Polo DiRaja Malaysia
13. Persatuan Mendayung Malaysia
14. Persatuan Silambam Malaysia

15. Persatuan Ski Air Malaysia
16. Persatuan Woodball Malaysia

4. **PENGURUSAN MOM**

4.1. **Mesyuarat Majlis**

Mesyuarat Majlis telah diadakan setiap tiga bulan sekali. Dalam tempoh tersebut, Majlis telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali. Tarikh dan kehadiran ke mesyuarat Majlis adalah seperti yang ditunjukkan dalam Annex I.

4.2. **Mesyuarat Lembaga Eksekutif**

Mesyuarat Lembaga Eksekutif MOM telah diadakan setiap bulan dan telah bermesyuarat sebanyak sepuluh (10) kali dalam tempoh tersebut. Tarikh dan kedatangan ke mesyuarat Lembaga Eksekutif adalah seperti yang ditunjukkan dalam Annex II.

4.3. **Perjawatan Kakitangan**

Dalam tempoh berikut tiada perubahan dalam perjawatan kakitangan MOM. Kekuatan kakitangan MOM adalah seperti berikut:-

- Lapan (8) orang kakitangan sepenuh masa
- Dua (2) orang kakitangan kontrak
- Tiga (3) orang kakitangan separuh masa
- Tiga (3) orang kakitangan di Fasa II, Wisma MOM

5. **LAPORAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MOM**

5.1. **Suruhanjaya Atlet**

YBhg Prof. Dato' Dr. Zakaria Ahmad telah menyediakan deraf peruntukan Suruhanjaya Atlet untuk kelulusan oleh Lembaga Eksekutif dan Majlis Eksekutif MOM. Deraf peruntukan akhir Suruhanjaya Atlet telah diluluskan oleh mesyuarat Majlis Eksekutif MOM pada 7hb Februari 2009. Semua PSK telah dijemput untuk mencalonkan wakil-wakil untuk dipilih sebagai ahli Suruhanjaya Atlet. Pemilihan ahli Suruhanjaya Atlet ini akan diadakan selepas bulan Jun 2009.

5.2. **Kewangan dan Pemasaran**

Jawatankuasa Kewangan dan Pemasaran yang dipengerusikan oleh YBhg Dato' Seri Kee Yong Wee, telah bermesyuarat sebanyak lima kali dalam tempoh masa tersebut. Lebihan bagi tahun 2008 adalah RM1,299,784/= dengan jumlah pendapatan RM10,458,426/= berbanding dengan RM1,739,815/= dan jumlah pendapatan sebanyak RM9,715,292/= bagi tahun 2007.

Perpetual Trustees Berhad telah menyediakan deraf 'Trust Deed' untuk Tabung Amanah Pembangunan Sukan MOM dimana kecuali sedikit pindaan, ianya telah diluluskan oleh Lembaga Eksekutif dan Majlis MOM. Tabung Amanah ini akan dilancarkan pada pertengahan 2009. Selain daripada pelaburan awal sebanyak RM8 juta, tiada dana tambahan yang telah dilaburkan dalam tempoh masa tersebut.

Coca-cola meneruskan penajaan untuk Anugerah Olympian Tahunan MOM-Coca-Cola, sementara Manulife Insurance (Malaysia) Berhad telah menganugerahkan sejumlah RM40,000/= kepada 16 Olympian di atas pencapaian cemerlang mereka di Sukan Olimpik Beijing 2008, dibawah Anugerah 'Athletes of the Games'. Pemenang pingat perak YBhg Dato' Lee Chong Wei telah dianugerahkan RM8,000/= sementara 15 Olympian masing-masing menerima RM2,250/=.

Perjanjian penajaan di antara Carlsberg Malaysia dan MOM untuk Skim Persaraan Atlet MOM-Carlsberg telah dilanjutkan 4 tahun lagi (2009 hingga 2012). Skim tersebut yang telah diwujudkan pada 1998, memberi polisi insuran seumur hidup untuk atlet yang memenangi pingat emas Sukan Asia dan Komanwel dan sebarang pingat di Sukan Olimpik. Sehingga penghujung 2008, sejumlah 69 atlet berada dalam skim tersebut. Pada 2009, MOM telah membayar premium tahunan berjumlah RM39,300/= untuk jumlah perlindungan bernilai RM2.01 juta.

Penjualan tiket Sukan Olimpik 2008 sangat berjaya kerana MOM telah berjaya menjual sebanyak 854 tiket, iaitu jumlah jualan tertinggi untuk Sukan Olimpik dan proses ini telah membawa keuntungan sebanyak RM30,000/=.

Dengan lengkapnya empat tahun sekali Sukan Olimpik pada penghujung 2008, Program TOP VI kini sampai ke penghujung, TOP VII telah mengambil tempat untuk empat tahun yang akan datang (2009 hingga 2012). Rakan TOP VII adalah Coca-Cola, Acer, Atos Origin, General Electric (GE), McDonald's, Omega, Panasonic, Samsung dan Visa. Penaja Kebangsaan MOM

adalah Coca-Cola, AirAsia, AmBank Group, Astro, Carlsberg, Genting, HDI Network, Manulife, Mesuma, Milo, Pelikan, Power, Royal Selangor, Sports Toto dan Spritzer.

MOM telah meluluskan cadangan daripada Jawatankuasa-jawatankuasa untuk menilai semula Wisma OCM, Fasa I dan II dan memperuntukan geran kewangan kepada semua ahli gabungan MOM untuk tahun 2009. Geran telah dibayar kepada semua ahli gabungan, sementara penilaian Wisma OCM akan bermula dalam pertengahan kedua 2009.

5.3. **Logistik dan Acara**

Jawatankuasa Logistik dan Acara telah dipengerusikan oleh YBhg Dato' Seri Dr. Ibrahim Saad. Jawatankuasa ini telah mengelolakan Majlis Makan Malam Tahunan MOM Ke-16 pada 12hb Disember 2008 di Arena Sukan, Kompleks Sukan Tertutup MOM. Majlis Makan Malam ini telah dikelolakan dengan sempurna dan berjaya dengan kehadiran YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Belia dan Sukan Malaysia sebagai Tetamu Kehormat. Jawatankuasa telah mereka pakaian seragam untuk Kontinjen Malaysia ke Sukan Olimpik Beijing 2008.

5.4. **Pengurusan dan Penasihat Undang-Undang**

Jawatankuasa Pengurusan dan Penasihat Undang-Undang telah dipengerusikan bersama oleh YBhg Dato' Roy Rajasingham dan YBhg Prof. Dato' Dr. Zakaria Ahmad.

Dalam hal elwal pengurusan, Jawatankuasa telah meneliti pengurusan kakitangan dan membentuk struktur pekerjaan yang baru untuk kakitangan MOM. Jawatankuasa telah menyambung perkhidmatan Encik Ali Abu Hasan secara kontrak untuk tempoh dua (2) tahun mulai 17hb Jun 2008 hingga 16hb Jun 2010. Jawatankuasa turut menyambung perkhidmatan Puan Amasi Alagama Palany secara kontrak untuk tempoh satu (1) tahun mulai 4hb Mei 2009 hingga 3hb Mei 2010.

Dalam hal ehwal penasihat undang-undang, Jawatankuasa telah menghasilkan deraf pindaan Perlembagaan MOM supaya selari dengan Piagam IOC, dimana ianya telah diluluskan dengan sebulat suara ketika Perhimpunan Agung Tahunan MOM Ke-27. Pindaan Perlembagaan MOM kemudiannya telah dikemukakan untuk kelulusan di Pejabat Pesuruhjaya Sukan. Selepas perbincangan dan penjelasan serta sedikit perubahan, pindaan Perlembagaan MOM telah diluluskan. Jawatankuasa juga telah mengemukakan deraf pindaan Akta Pembangunan Sukan 1997 untuk pertimbangan Pesuruhjaya Sukan Malaysia.

5.5. **Media**

MOM telah menandatangani perjanjian usahasama dengan Peninsula Digital Sdn Bhd (PDSB) pada awal 2008 dan juga menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Astro, untuk menubuhkan Rangkaian TV Sukan dikenali sebagai 'Arena Astro'. Pada awal 2009, di atas sebab-sebab di luar kawalan MOM dan PDSB, perjanjian usahasama di antara kedua-dua pihak telah ditamatkan secara mesra.

Astro telah mengambil alih projek tersebut dan telah bermesyuarat dengan wakil-wakil daripada PSK untuk berbincang hal-hal pelaksanaan Arena Astro. Rangkaian ini dijangka beroperasi dalam suku akhir 2009.

5.6 **Perubatan dan Kawalan Anti-Doping**

Jawatankuasa Perubatan dan Anti-Doping adalah dipengerusikan oleh YBhg Datuk Dr. M. Jegathesan. Jawatankuasa ini meneruskan khidmat nasihat dalam semua hal perubatan dan anti-doping kepada MOM dan badan sukan yang memerlukan. Jawatankuasa ini bekerja rapat dengan Institut Sukan Negara (ISN) untuk menyelaraskan keperluan logistik ISN bagi membekalkan khidmat perubatan kepada Kontinjen Malaysia ke semua temasya sukan dibawah naungan MOM, termasuk Sukan Olimpik Beijing 2008.

Jawatankuasa ini telah mengemukakan cadangan Undang-Undang Kecil kepada Sub-Artikel 5.11 untuk Perlembagaan MOM yang bertajuk 'Peranan MOM dalam Anti-Doping', ianya telah diluluskan ketika Perhimpunan Agung Tahunan MOM Ke-27 pada 2008. Dengan kelulusan Undang-Undang Kecil kepada Sub-Artikel 5.11, MOM kini telah menurut sepenuhnya dengan kehendak Kod WADA dalam aspek penerimaan, pelaksanaan dan penguatkuasa. YBhg Datuk Dr. M. Jegathesan telah memberi taklimat ringkas ketika Mesyuarat Majlis MOM Ke-152 pada 18hb April 2009, berkenaan Kod WADA yang baru, yang telah diterima pada 1hb Januari 2009 yang lalu. Jawatankuasa ini akan menganjurkan satu forum sains sukan dan perubatan sukan untuk semua yang berkenaan dan organisasi yang berkaitan, bertujuan memberi input kepada Konvensyen Sukan Kebangsaan 2009. Jawatankuasa telah meneruskan beberapa ujian anti-doping secara rawak dalam tempoh masa tersebut. Jawatankuasa juga telah meneruskan kerjasama erat dengan Agensi Anti-Doping Kebangsaan.

Kebanyakan ahli-ahli dalam jawatankuasa meneruskan peranan di peringkat antarabangsa melalui kedudukan dalam badan sukan masing-masing. Ini termasuk YBhg Datuk Dr. M. Jegathesan (Penasihat Perubatan Kehormat CGF, Pengerusi Jawatankuasa Perubatan OCA dan ahli Suruhanjaya Perubatan IOC), YBhg Dato' Dr. Gurucharan Singh (Pengerusi Suruhanjaya Perubatan Persekutuan Badminton Sedunia dan ahli Suruhanjaya Perubatan FIFA), YBhg Dato' Dr. S.S. Cheema

(ahli Suruhanjaya Perubatan FIIH dan Jawatankuasa Perubatan Persekutuan Sukan Asia Tenggara), YBhg Dato' Dr. Kanagalingam (ahli Suruhanjaya Perubatan Majlis Sukan Motor Sedunia) dan Dr. J.S. Deo (Persatuan Renang Amatir Malaysia).

5.7. **Perumusan bagi Kaedah Penarafan**

YB Menteri Belia dan Sukan Malaysia telah meminta MOM untuk mengkaji semula kaedah penarafan. Jawatankuasa dibawah YBhg Datuk Dr. M. Jegathesan telah memutuskan supaya markah bagi setiap PSK terbahagi kepada 3 kategori iaitu Pentadbiran, Program & Aktiviti dan Pencapaian, dibentangkan secara berasingan seperti tiga kad laporan. Kad-kad laporan tersebut telah dikemukakan kepada YB Menteri Belia dan Sukan Malaysia pada 26hb Disember 2008 untuk pandangan dan nasihat.

Objektif usaha penarafan tersebut adalah untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan sesebuah PSK bagi memudahkan MOM menyalurkan bantuan untuk membaiki aspek kelemahan tertentu. Dengan ini, MSN dan ISN turut boleh menggunakan kad laporan bagi ketiga-tiga kategori tersebut untuk menentukan keutamaan dalam menyalurkan bantuan.

Pada 10hb Februari 2009, MOM telah memberi taklimat kepada YB Menteri Belia dan Sukan Malaysia akan laporan kaedah penarafan yang telah diubahsuai. Menteri telah menerima penjelasan MOM dan mencadangkan berikut:

- MOM, MSN, ISN dan Pesuruhanjaya Sukan membentuk satu jawatankuasa untuk mengkaji semula penarafan yang dikemukakan oleh PSK.
- Menyemak dan memasukkan soalan tambahan dalam aspek Pencapaian, bagi mencerminkan kompetitif, kepopulariti dan kepentingan (samada acara Sukan Olimpik atau bukan) sukan.

Jawatankuasa Penarafan MOM telah berputus untuk memberi satu pemberatan masing-masing untuk aspek Pentadbiran dan Aktiviti & Program sementara pemberatan berganda untuk aspek Pencapaian. Berdasarkan pemberatan yang telah diberikan, markah baru telah diperoleh berpandukan soal selidik ke atas PSK pada tahun lepas. Beberapa soalan tambahan juga telah dimasukkan dalam aspek Pencapaian. Penarafan yang baru akan diadakan pada separuh kedua 2009.

5.8. **Pemilihan**

Jawatankuasa Pemilihan MOM telah bermesyuarat sekali dalam tempoh masa tersebut dan mengesahkan pemilihan berikut:-

- 33 atlet yang telah layak dan yang dicadangkan oleh PSK masing-masing untuk mengambil bahagian dalam Sukan Olimpik Beijing 2008 dengan 28 pegawai pasukan dan seorang Chef de Mission. 50% daripada 28 pegawai pasukan akan bertukarganti sebaik sahaja tugas/acara mereka tamat.
- 42 atlet, terdiri daripada 21 remaja lelaki dan 21 remaja perempuan serta 11 pegawai (jumlah telah ditetapkan oleh Pengelola), dengan tambahan 5 pegawai ke Sukan Komanwel Remaja Ke-3 di Pune, India.
- 44 lelaki, 30 wanita dan 30 pegawai pasukan ke Sukan Asia Pantai Pertama di Bali, Indonesia. PSK bagi setiap sukan akan menanggung perbelanjaan atlet/pasukan dan pegawai masing-masing ke Bali.
- 41 remaja lelaki dan 25 remaja perempuan yang telah mengambil bahagian dalam 8 bidang sukan pada Festival Olimpik Remaja Australia Ke-5 yang telah diadakan di Sydney, Australia.

Berikutan banyak temasya sukan yang akan disertai oleh MOM, Jawatankuasa Pemilihan telah memutuskan penyertaan mengikut keutamaan seperti berikut:-

- Keutamaan I - Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan SEA
- Keutamaan II - Sukan Olimpik Remaja, Sukan Komanwel Remaja dan Sukan Asia Remaja
- Keutamaan III - Lain-lain Sukan seperti Sukan Asia Dalam Dewan, Sukan Asia Pantai, Sukan Asia Seni-Mempertahankan Diri, Sukan Perpaduan Islamik, Sukan Perpaduan Islamik Wanita dan lain-lain.

Atlet-atlet dan pegawai-pegawai yang menyertai Sukan mengikut Keutamaan I dan II akan dibiayai oleh MSN dan/atau MOM dan/atau oleh PSK dibawah Kategori B. Atlet-atlet dan pegawai-pegawai yang menyertai Sukan mengikut Keutamaan III akan dibiayai oleh PSK masing-masing dibawah Kategori SF (Kategori Pembiayaan Sendiri). Tiada sebarang pembayaran balik akan diberikan mahupun atlet memenangi pingat dibawah Keutamaan III.

5.9. **Sukan dan Sukan Untuk Semua - Kongres Sukan Untuk Semua Sedunia Ke-12**

Kongres Sukan Untuk Semua Sedunia Ke-12 telah berjaya dikelolakan di Genting Highlands (berdekatan Kuala Lumpur, Malaysia) mulai 4hb hingga 6hb November 2008. Upacara Pembukaan Kongres telah disempurnakan pada petang 3hb November 2008 oleh YBhg Dato' Mohd Yasin Mohd Salleh, Ketua Setiausaha, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia yang mewakili Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, yang menghadiri Sidang Parlimen pada petang yang sama. Naib Presiden IOC, Encik Lambis V. Nikolaou, Pengerusi Suruhanjaya Sukan Untuk Semua IOC, Encik Walther Tröger,

Presiden Majlis Olimpik Malaysia YAM Tunku Tan Sri Imran ibni Almarhum Tuanku Ja'afar dan Penasihat Khas kepada Setiausaha Agung PBB dalam Sukan untuk Pembangunan dan Keamanan, Encik Wilfried Lemke telah memberi ucapan semasa upacara pembukaan. Ucapan Presiden IOC, Encik Jacques Rogge dalam rakaman video turut ditayangkan.

Sejumlah 508 delegasi dari 98 negara yang mewakili keluarga Olimpik, universiti-universiti, Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu, kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan telah mengambil bahagian dalam Kongres Sukan Untuk Semua Sedunia Ke-12 dibawah tema "Sukan Untuk Semua – Untuk Seumur Hidup". Kebanyakan delegasi adalah dari Negara Asia (55%) dan Eropah (27%). Kongres ini telah dikelolai oleh MOM dibawah naungan IOC dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Persatuan Persekutuan-Persekutuan Sukan Antarabangsa (GAISF).

Selepas dua setengah hari Sesi "Plenary" dan "Parallel" dengan pembentangan sejumlah 82 kertas kerja, Deklarasi Kongres Sukan Untuk Semua Sedunia Ke-12 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Kongres pada 6hb November 2008 sekitar 1.15 petang. Kongres Sukan Untuk Semua Sedunia Ke-12 telah diistiharkan tutup dengan rasminya oleh YAM Tunku Tan Sri Imran ibni Almarhum Tuanku Ja'afar, Presiden MOM.

Sijil IOC Sukan untuk Semua telah disampaikan kepada berikut bagi menghargai sokongan dan bantuan yang diberikan semasa Kongres Sukan Untuk Semua Sedunia Ke-12:- Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Tourism Malaysia, Majlis Sukan Negara Malaysia, Institut Sukan Negara Malaysia, Persekutuan Wushu Malaysia, Yayasan Hash Heritage, Persatuan Penari-Penari Kuala Lumpur, Resort World Bhd, Fuji Xerox Asia Pacific Ltd dan Lenovo Technology Sdn Bhd.

5.10. **Muzium Sukan dan Dewan Kemasyhuran**

Jawatankuasa Muzium Sukan dan Dewan Kemasyhuran MOM yang dipengerusikan oleh Cik Low Beng Choo, bercadang memperkenalkan Program Pendidikan Nilai Olimpik (OVEP) selari dengan program dibawah IOC OVEP. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan Pendidikan Nilai Olimpik kepada murid-murid sekolah rendah dan menengah. Cadangan program ini akan mengandungi pameran, demonstrasi, alat bantuan mengajar, lawatan ke MOM dan Muzium Sukan & Dewan Kemasyhuran MOM, ceramah, kuiz dan lain-lain acara.

Seramai duapuluh orang murid-murid sekolah rendah dan lima orang guru daripada Summer Academy, Subang Jaya, sebuah organisasi persendirian telah mengadakan lawatan sehari ke Muzium Sukan dan Dewan Kemasyhuran MOM pada 21hb Ogos 2008. Objektif lawatan tersebut adalah bagi membolehkan murid-murid mengenali Sukan Olimpik dan temasya sukan yang disertai oleh MOM serta memperkenalkan Pendidikan Nilai Olimpik. Lawatan dan kunjungan tersebut telah berjalan dengan lancar.

5.11. **Wanita dan Sukan**

Majlis Makan Malam Anugerah Wanita Dan Sukan MOM 2008 telah diadakan pada 18hb Julai 2008 di Kompleks Sukan Tertutup MOM, Wisma OCM, Kuala Lumpur. Tetamu Kehormat adalah YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Belia dan Sukan Malaysia. Di atas kesungguhannya terhadap sukan Lawn Bowls, Cik Choo Yih Hwa telah diisytiharkan sebagai pemenang Anugerah Wanita dan Sukan MOM pada tahun ini dan akan dicalonkan oleh MOM untuk Anugerah Wanita dan Sukan IOC 2009.

Para pemenang yang lain adalah YM Raja Puan Sri Dato' Noora Ashikin (Anugerah Khas Kepimpinan); Cik Hajah Mazidah Haji Musa (Anugerah Khas Pembangunan); Joy dan Holloway Cheah (Anugerah Usahasama) dan Cik Norzie Khasbi (Anugerah Khas Wartawan).

Jawatankuasa ini dan Bahagian Wanita dalam Sukan MSN telah berusaha mengumpul data penyertaan wanita dalam sukan di Malaysia samada sebagai pemimpin, pemegang jawatan, jurulatih dan pegawai teknikal di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Usaha ini masih dalam pelaksanaan.

Seminar Wanita dan Sukan IOC untuk Asia 2008

Forum Wanita dan Sukan Asia OCA telah diadakan pada 26hb November 2008 dan Seminar Wanita dan Sukan untuk Asia IOC 2008 telah diadakan pada 27hb hingga 29hb November 2008 di Hotel Prince, Kuala Lumpur. Turut hadir pada Seminar adalah Pengerusi Suruhanjaya Wanita dan Sukan IOC, Cik Anita L. Defrantz dan Pengerusi Jawatankuasa Wanita dan Sukan OCA, Puan Natalya Sipovich dan kakitangan Bahagian Antarabangsa IOC dan OCA. Upacara Pembukaan Seminar IOC untuk Asia dan Majlis Makan Malam Alu-aluan telah diadakan pada petang 26hb November 2008 di Menara Kuala Lumpur.

5.12. **Tabung Pendidikan Atlet Tan Sri Alex Lee**

Tabung Pendidikan Atlet Tan Sri Alex Lee telah ditubuhkan pada November 1999, bagi mengingati mendiang Tan Sri Alex Lee, Naib Presiden MOM yang telah meninggal dunia dalam tragedi menyelam di di Papua New Guinea pada 31hb Oktober 1999. Tabung Pendidikan ini menyediakan geran pelajaran RM3,000/= maksimum setahun, kepada bekas atlet dan atlet kebangsaan yang masih aktif untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

Dalam tahun 2008, empat biasiswa baru telah dianugerahkan kepada atlet kebangsaan berikut: Encik Wong Zi Jing (Catur), Encik Aminudin Ramly (Kriket), Encik Azroul Fazly Mohamed Yusoff (Lawan Pedang) dan Encik Muhammad Radhi Hasim (Lawan Pedang). Dengan 4 biasiswa baru di atas, Tabung Pendidikan Atlet Tan Sri Alex Lee telah menganugerahkan biasiswa kepada sejumlah 22 orang atlet kebangsaan daripada 11 jenis sukan untuk melanjutkan pelajaran sejak 2000. Kini, Tabung Pendidikan tersebut mempunyai RM483,932.55.

5.13. **Akademi Olimpik Kebangsaan Malaysia**

Sesi Akademi Olimpik Kebangsaan (NOA) untuk Pemimpin Muda Ke-12 telah diadakan mulai 17hb hingga 21hb Februari 2009 di Wisma OCM, Kuala Lumpur. Sejumlah 46 peserta yang terdiri daripada 23 orang peserta luar negara dan 23 orang peserta tempatan telah mengambil bahagian. Peserta terbaik lelaki dan Wanita dari Malaysia untuk Sesi ini adalah Encik Prem Kumar Subbanna daripada Persekutuan Karate Malaysia dan Cik Thoh Chai Ling daripada Persatuan Bola Keranjang Malaysia. Mereka akan mewakili MOM di Sesi Antarabangsa untuk Peserta Muda Ke-49 di Akademi Olimpik Antarabangsa di Olympia, Greece mulai 10hb hingga 24hb Jun 2009.

5.14. **Program Biasiswa Kolej Universiti Antarabangsa Nilai-MOM**

Pemohonan telah ditawarkan kepada atlet kebangsaan dan bekas atlet yang sesuai untuk lima biasiswa dibawah Program Biasiswa Kolej Universiti Antarabangsa Nilai-MOM bagi kemasukan Mei 2009. Sehingga kini, terdapat 3 orang atlet kebangsaan sedang belajar di Kolej Universiti Antarabangsa Nilai dibawah Program Biasiswa di atas.

6. **AKTIVITI-AKTIVITI MOM**

6.1. **Sukan Di Luar SUKMA XII**

Sebilangan sukan berpasukan seperti Bola Keranjang, Kriket, Bola Baling telah tercicir daripada program Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-12. Majlis Eksekutif MOM berputus untuk memberi sedikit bantuan kewangan kepada beberapa PSK sukan berpasukan yang tercicir daripada SUKMA XII. Persatuan Kriket Malaysia (MCA) dan Persekutuan Bola Baling Malaysia adalah antara dua PSK yang telah diberi bantuan kewangan untuk menganjurkan kejohanan belia.

Persatuan Kriket Malaysia telah menganjurkan Kejohanan Supper 8 sebelah MCA-MOM Bawah 21 tahun di Kinrara Oval, Puchong mulai 14hb hingga 18hb Jun 2008. Sejumlah 10 pasukan negeri dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia telah mengambil bahagian. Kejohanan telah dimenangi oleh Negeri Perak, Selangor di tempat kedua dan Negeri Pahang di tempat ketiga.

Persekutuan Bola Baling Malaysia telah menganjurkan Kejohanan Antara Negeri Bawah 23 tahun untuk lelaki dan wanita di Dewan Majlis Sukan Negara pada 24hb Ogos 2008. 8 pasukan lelaki dan 8 pasukan wanita telah mengambil bahagian. Dalam kejohanan lelaki, Kuala Lumpur muncul sebagai Juara, Terengganu di tempat kedua, Johor di tempat ketiga dan Negeri Sembilan di tempat keempat. Dalam kejohanan wanita pula, Johor muncul sebagai Juara, Kuala Lumpur di tempat kedua, Putrajaya di tempat ketiga dan Perak di tempat keempat.

6.2. **Majlis Makan Malam Amal Persatuan Penari-Penari Kuala Lumpur-MOM**

Persatuan Penari-penari Kuala Lumpur dengan kerjasama MOM telah mengelolakan majlis makan malam amal pada 3hb Julai 2008 bagi mengutip derma untuk mangsa gempa bumi Sichuan dan mangsa Typhoon Myanmar. Sejumlah RM83,000/= telah berjaya dikumpul dan diserahkan kepada Kedutaan China di Malaysia dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia bagi pihak Tabung Bantuan Bencana Myanmar.

6.3. **Kejohanan Golf Amal MOM-Tan Sri Alex Lee Ke-6 untuk Tabung Pendidikan Atlet Tan Sri Alex Lee**

Kejohanan Golf Amal MOM-Tan Sri Alex Lee Ke-6 telah diadakan pada 8hb Oktober 2008 di Bunga Raya Course, Saujana Golf & Country Club. 112 pemain golf telah menyertai Kejohanan tersebut. Kejohanan tersebut telah memperolehi lebihan sebanyak RM49,230.40.

6.4. **Rumah Terbuka Festival Perayaan MOM 2008**

Rumah Terbuka Festival Perayaan MOM bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali telah diadakan pada tengahari 1hb November 2008 di Coffee House, Hotel Olimpik, Wisma OCM, Kuala Lumpur yang diubahsuai baru-baru ini. Lebih 100 orang ahli daripada Persatuan Sukan Kebangsaan, Penaja, Majlis Sukan Negara, Institut Sukan Negara, penyokong, pihak media dan rakan-rakan telah menghadiri Rumah Terbuka tersebut. Beberapa tetamu luar negara dari Jordan, Norway, Jepun, German dan Amerika Syarikat yang dalam perjalanan menghadiri Kongres Sukan Untuk Semua Sedunia Ke-12 di Genting Highlands mulai 3hb hingga 6hb November 2008 turut menyertai perayaan ini. Rumah Terbuka Festival Perayaan kali ini sungguh berjaya.

6.5. **Seminar Acara Tahunan MOM Ke-8 2008**

Seminar Acara Tahunan MOM Ke-8 2008 telah diadakan pada 4hb Disember 2008 di Wisma OCM, Kuala Lumpur. Lebih kurang 50 peserta daripada Persatuan Sukan Kebangsaan dan lain-lain organisasi sukan telah menghadiri Seminar tersebut. Dalam ucapan alu-aluannya, YAM Tunku Tan Sri Imran ibni Almarhum Tuanku Ja'afar menekankan betapa pentingnya perancangan awal dan penerbitan takwim sukan bagi setiap PSK, demi memberikan masa yang cukup kepada pengelola, peserta dan penaja untuk menyokong acara mereka. Kertas kerja berikut telah dibentangkan:

- “Pandangan MOM terhadap Tawaran dan Menjadi Tuan Rumah Acara Sukan” oleh Dato’ Sieh Kok Chi, Setiausaha Kehormat, MOM.
- “Penubuhan Astro Arena, Rangkaian TV Sukan Malaysia” oleh Encik Hisham Harun Hashim, Ketua Pegawai Eksekutif Peninsula Digital Sdn Bhd.
- Cik K.C. Chew, Pengarah Pemasaran, Mesyuarat, Insentif, Konvensyen & Pameran (M.I.C.E.), Genting International Services Sdn Bhd
- Puan Simrin Reyes dan Encik Martin Elias Reyes dari Salsa Havana Kuala Lumpur

6.6. **Majlis Makan Malam Tahunan dan Penganugerah MOM Ke-16 2008**

Majlis Makan Malam Tahunan MOM Ke-16 telah diadakan pada 12hb Disember 2008 di Kompleks Sukan Tertutup MOM, Kuala Lumpur. Lebih kurang 500 warga sukan mewakili Persatuan Sukan Kebangsaan gabungan MOM, penaja, atlet, pegawai dan pihak media telah menghadiri Majlis tersebut. Tetamu Kehormat adalah YB Dato’ Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Belia dan Sukan Malaysia. Tetamu penting yang lain daripada sektor kerajaan adalah YBhg Dato’ Mohd Yasin Mohd Salleh, Ketua Setiausaha, Kementerian Belia dan Sukan dan YBhg Dato’ Zolkples Embong, Ketua Pengarah, Majlis Sukan Negara. Syarikat Coca-Cola diwakili oleh Encik Antonio V. Del Rosario Jr., Pengurus Besar, Rantau Malaysia-Singapura-Brunei dan Encik Khalid Alvi, Pengurus Operasi Komersial, Rantau Malaysia-Singapura-Brunei.

6.7. **Anugerah Olympian Tahunan MOM-Coca-Cola 2008**

Anugerah Olympian Tahunan MOM-Coca-Cola 2008 telah disampaikan ketika Majlis Makan Malam Tahunan MOM Ke-16 pada 12hb Disember 2008 di Kompleks Sukan Tertutup MOM, Kuala Lumpur. Berdasarkan kriteria pemilihan yang sediada, Anugerah Olympian Tahunan 2008 telah dianugerahkan kepada:

- Olympian Tahunan 2008 Lelaki – YBhg Dato’ Lee Chong Wei (Badminton), satu-satunya Olympian Malaysia yang memenangi pingat perak di Sukan Olimpik Beijing 2008.
- Olympian Tahunan 2008 Wanita – Cik Siow Yi Ting (Renang) yang memecahkan rekod beliau sendiri dalam acara 200m Kuak Dada dengan kepantasan 4.1 saat dan mencatat rekod baru 2 min. 27.80 saat, dalam Saringan 200m Kuak Dada Wanita, yang meletakkan beliau di tempat ke-19 keseluruhan.

YB Dato’ Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Belia dan Sukan Malaysia telah menyampaikan anugerah yang terdiri daripada sebutir pingat dan hadiah wang tunai RM10,000/= kepada pemenang ketika Majlis Makan Malam Tahunan MOM Ke-16 pada 12hb Disember 2008.

6.8. **Duta Muhibah Sukan MOM (SGA)**

Perjumpaan Tahunan Duta Muhibah Sukan MOM Ke-4 telah diadakan pada 7hb Februari 2009 di Wisma OCM, Kuala Lumpur sebaik selepas Mesyuarat Majlis MOM Ke-151. Lebih kurang 80 orang peserta menghadiri perjumpaan tersebut. YBhg Prof. Emeritus Tan Sri Dato’ Dr. Khoo Kay Kim, telah menyampaikan sebuah ceramah yang menarik dan berunsur pendidikan bertajuk “Sukan di Malaysia – semalam dan hari ini”.

Selepas ceramah tersebut, Anugerah Pengiktirafan MOM untuk Jurulatih Sukarelawan Akar-Umbi telah disampaikan oleh YAM Tunku Tan Sri Imran ibni Almarhum Tuanku Ja'afar kepada Jurulatih Sukarelawan Akar-Umbi berikut: Encik Jacob Ponniah (Olahraga), Encik Arunandy Subramaniam (Olahraga), Encik Moe Chin Kiat (Badminton), Encik Chandradass Menon

(Kriket), Encik Mohamad Noor Shuib (Kriket), Encik Kanagarajah Kalimuthu (Bolasepak), Encik Mohamad Jazuli bin Zainuddin (Hoki), Encik Wong Joon Meng (Judo), Cik Rahika Ab Samat (Bola Jaring), Encik Ng Num Thiam (Bola Baling) dan Encik Johnny Ting Chooi Chin (Polo Air). Pada 18hb April 2009, Encik Andrew Gopal, Presiden Kelab Rekreasi Ulu Klang (UKRC) telah memberi sebuah ceramah berkenaan pengalaman beliau menguruskan sebuah kelab rekreasi masyarakat. Selepas ceramah beliau telah diiktiraf sebagai Duta Muhibah Sukan MOM.

6.9. **Penyampaian Pin Lapel Pemenang Pingat Sukan Olimpik Beijing 2008**

Presiden MOM juga Ahli IOC di Malaysia, YAM Tunku Tan Sri Imran ibni Almarhum Tuanku Ja'afar telah menyampaikan Pin Lapel Pemenang Pingat Sukan Olimpik kepada YBhg Dato' Lee Chong Wei, pemenang Pingat Perak acara Badminton Perseorangan Lelaki Sukan Olimpik Beijing 2008 pada 7hb Februari 2009 di Wisma OCM, Kuala Lumpur.

6.10. **Kejohanan Golf Bekas Jaguh Antarabangsa MOM-Pharmaton Ke-5 2009**

Selepas selang setahun, Kejohanan Golf Bekas Jaguh Antarabangsa MOM-Pharmaton Ke-5 2009 untuk Trofi Cabaran Datuk Dr. M. Jegathesan telah diadakan pada 28hb April 2009 di Kelab Golf Seri Selangor (KGSS). Sebagai tambahan Kejohanan Golf Bekas Jaguh Antarabangsa MOM-Pharmaton Ke-5 2009 kali ini turut diadakan untuk memperingati mendiang Dato' Ho Koh Chye, yang merupakan salah seorang pengasas kejohanan ini dan MOM telah menyumbang sebuah trofi cabaran di atas nama beliau untuk Juara Perseorangan. Sejumlah 70 orang jaguh antarabangsa dan tetamu telah mengambil bahagian dalam Kejohanan Golf Bekas Jaguh Antarabangsa MOM-Pharmaton Ke-5 2009.

6.11. **Sepanduk sepanjang 888 kaki untuk menyokong Sukan Olimpik Beijing 2008**

Satu delegasi Malaysia yang diketuai oleh YBhg Prof. Dato' Ar. W.Y.Chin, Encik Vincent Sim dan Penaja Encik Woo Swee Lian, Presiden Perfect (China) Co. Ltd, bersama-sama dengan 24 orang pelukis Malaysia telah menyerahkan Sepanduk Lukisan Sukan Olimpik Beijing 2008 sepanjang 888 kaki kepada Jawatankuasa Olimpik China (COC) di Beijing.

Upacara penyampaian telah diadakan pada 20hb Jun 2008 di Dewan Sambutan COC dan ia telah dikagumkan oleh Encik He Zhenliang, Ahli IOC, Pengerusi Suruhanjaya Kebudayaan & Pendidikan Olimpik IOC dan Presiden Kehormat COC yang diiringi oleh Encik Song Luzeng, Setiausaha Kehormat, Encik Song Keqin, Timbalan Setiausaha Kehormat dan Huangu Hongna, Perhubungan Antarabangsa.

Lukisan Sepanduk Sukan Olimpik Beijing 2008 sepanjang 888 kaki tersebut telah dihasilkan khas pada 7hb Jun 2008 bersempena dengan Sambutan Hari Keputeraan SPB Yang di-Pertuan Agong. Ia mengandungi lukisan dan khat oleh 400 orang pelukis tempatan daripada pelbagai bangsa dan umur, yang telah tercatat dalam 'Malaysia Book of Records' sebagai sekeping karya seni yang dihasilkan oleh bilangan pelukis yang teramai. MOM menyokong penghasilan sepanduk tersebut dan lawatan delegasi yang berkenaan ke China.

6.12. **Pameran Gambar Malaysia-Sukan Olimpik Beijing 2008**

MOM menyokong dan menyumbang kepada Pameran Gambar Malaysia-Sukan Olimpik Beijing 2008 yang telah diadakan mulai 7hb hingga 9hb Julai 2008 di Dewan Perhimpunan Cina, Kuala Lumpur. Pameran telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri. Pameran tersebut telah dikelolakan bersama oleh Kedutaan China di Malaysia, Wen Wei Po Daily News Hong Kong, Nanyang Siang Pau, Dewan Perhimpunan Cina Selangor-Kuala Lumpur, Persatuan Perdagangan China-Malaysia, Spritzer dan lain-lain.

7. **AKTIVITI-AKTIVITI PERGERAKAN OLIMPIK**

7.1. **Trofi IOC 'Sukan dan Belia' 2008**

Trofi IOC 'Sukan dan Belia' 2008 telah dianugerahkan kepada Yayasan Kecemerlangan Sukan. Encik Teng Mui Ngee, Pengarah Eksekutif Yayasan Kecemerlangan Sukan telah menerima anugerah daripada YAM Tunku Tan Sri Imran ibni Almarhum Tuanku Ja'afar, Presiden MOM dan Ahli IOC, ketika Majlis Makan Malam Tahunan MOM Ke-16 pada 12hb Disember 2008.

7.2. **Trofi Wanita dan Sukan IOC 2009**

Trofi Wanita dan Sukan IOC telah dianugerahkan setiap tahun bagi mempromosikan kemajuan wanita dalam sukan. Cik Choo Yih Hwa, pemenang Anugerah Wanita dan Sukan MOM 2008 telah dicalonkan untuk Anugerah Wanita dan Sukan IOC 2009.

7.3. **Larian Hari Olimpik McDonald's 2008**

Larian Hari Olimpik McDonalds 2008 telah berjaya dikelolakan pada 29hb Jun 2008 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Lebih 2,900 orang peserta yang terbahagi kepada 8 kategori telah mengambil bahagian dalam larian sejauh 7 km tersebut. YBhg Datuk Dr. M. Jegathesan, Timbalan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM) telah melepaskan larian. Turut hadir adalah YBhg Dato' Roy Rajasingham, Naib Presiden MOM, Encik Azmir Jaafar, Pengarah Urusan McDonald's Malaysia dan Encik Stephen Chew, Naib Presiden McDonald's Malaysia. Encik Azmir Jaafar, Pengarah Urusan McDonald's Malaysia dan YBhg Dato' Sieh Kok Chi, Setiausaha Kehormat MOM turut mengambil dan menamatkan larian sejauh 7 km tersebut.

7.4. **Akademi Olimpik Antarabangsa – Olympia**

Cik Choh Poh Lai, Pemain Boling Kebangsaan dan Encik Mark Chua bekas Perenang Kebangsaan, masing-masing adalah Delegasi Rasmi MOM ke Sesi Antarabangsa untuk Peserta Muda Ke-48 yang telah berlangsung di Olympia, Greece mulai 11hb hingga 25hb Jun 2008.

Encik Chua Ah Tok, Pengarah Akademi Olimpik Kebangsaan (NOA) Malaysia telah menghadiri Sesi Antarabangsa Bersama untuk Presiden/Pengarah Akademi Olimpik Kebangsaan dan Pegawai Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan Ke-10 di Olympia, Greece mulai 6hb hingga 13hb Mei 2009.

7.5. **Peraduan Sukan dan Seni Olimpik 2008**

Encik Mior Mohd Nafis Mohd Zain yang telah memenangi tempat kedua dalam Kategori Seni Arca di peringkat antarabangsa dalam Peraduan Sukan dan Seni Olimpik 2008 dengan hasil karya bertajuk "*Determination*", telah menerima hadiah beliau ketika Upacara Pembukaan Forum Sukan, Pendidikan dan Kebudayaan Sedunia Ke-6 di Busan, Korea pada 25hb September 2008.

MOM ingin merakamkan penghargaan kepada ahli Jawatankuasa Pengelola Peraduan Sukan dan Seni Olimpik 2008 di peringkat kebangsaan iaitu: mendiang Dato' Ho Koh Chye (Pengerusi), Penilai - YBhg Prof. Dato' Ar. W.Y.Chin, YM Raja Airina Dato' Ahmad Badiozaman dan Encik Lim Tong Juan.

7.6. **Festival Sukan untuk Semua 2008 dibawah naungan IOC**

Festival Sukan untuk Semua 2008 dibawah naungan IOC telah dikelolakan dengan tiga aktiviti iaitu Acara "Family Hashing" kelolaan Yayasan Hash Heritage di Taman Rimba Kiara pada 20hb Julai 2008, Acara "Dance for All" kelolaan Persatuan Penari-Penari Kuala Lumpur pada 26hb Julai 2008 di Kompleks Sukan Tertutup MOM dan Acara "Wushu for All" semasa Kongres Sukan Untuk Semua Sedunia Ke-12 di Genting Highlands pada 4hb dan 5hb November 2008. Ketiga-tiga acara tersebut telah berjaya disempurnakan. Tambahan daripada itu, Yayasan Hash Heritage turut menganjurkan Larian Hash di Batang Kali berdekatan Genting Highlands pada 4hb November 2008 bagi memperkenalkan Hashing kepada peserta-peserta Kongres Sukan Untuk Semua Sedunia Ke-12.

8. **AKTIVITI-AKTIVITI MAJLIS OLIMPIK ASIA**

8.1. **Upacara Pembukaan Rasmi Ibu Pejabat OCA**

Upacara Pembukaan Rasmi Ibu Pejabat OCA telah diadakan pada petang 11hb Mac 2009 di Kuwait dengan persembahan tarian kebudayaan, pertunjukan seni mempertahankan diri Asia dan percikan bunga api yang sungguh menarik. Upacara Pembukaan Rasmi telah disempurnakan oleh Yang Amat Mulia Putera Mahkota Negara Kuwait, Sheikh Nawaf Al Ahmad Al Jaber Al Sabah dengan kehadiran Yang Mulia Sheikh Ahmad Fahad Al Ahmad Al Sabah Presiden Majlis Olimpik Asia (OCA) dan Encik Jacques Rogge, Presiden Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) dan 300 tetamu dari keluarga Olimpik.

8.2. **Kongres OCA Pertama 2009**

Kongres OCA Pertama telah diadakan mulai 12hb hingga 14hb Mac 2009 di Kuwait. Lebih kurang 140 kertas kerja telah dibentangkan sepanjang 3 hari Kongres tersebut. Majlis Olimpik Malaysia telah diwakili oleh:-

- YAM Tunku Tan Sri Imran ibni Almarhum Tuanku Ja'afar, Presiden MOM dan Ahli IOC. Beliau telah membentangkan kertas kerja bertajuk 'Pentadbir Sukan di Asia'
- YBhg Datuk Dr. M. Jegathesan, Timbalan Presiden MOM. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Pengelola Kongres OCA Pertama dan telah membentangkan kertas kerja bertajuk 'Sains Sukan di Asia'. Beliau juga berperanan sebagai Moderator untuk Sesi Sains Sukan.
- Cik Low Beng Choo, Naib Presiden MOM. Beliau telah membentangkan kertas kerja bertajuk 'Wanita dan Sukan di Asia'

- YBhg Dato' Sieh Kok Chi, Setiausaha Kehormat MOM. Beliau telah membentangkan kertas kerja bertajuk 'Pemasaran Sukan di Asia'.

Satu resolusi penting yang dimasukkan dalam Perisytiharaan Kuwait adalah 'Satu Sukan-Satu Permainan', Satu Sukan-Satu Tahun', dimana bermaksud tidak ada satu sukanpun yang akan dimasukkan dalam Sukan 'Asia' lebih dari satu dan hanya terdapat satu Sukan 'Asia' dalam satu tahun.

8.3. **Sukan Asia Guangzhou 2010**

Jawatankuasa Pengelola Sukan Asia Guangzhou 2010 telah mengadakan Sidang Media pada 21hb April 2009 di Kuala Lumpur. Sidang Media tersebut telah disempurnakan oleh Cik Hua Xinfang, Timbalan Ketua Jabatan Perkhidmatan, Jawatankuasa Pengelola Sukan Asia Guangzhou (GAGOC) dan YBhg Prof. Dato' Ar. W.Y. Chin, Naib Presiden MOM.

9. **AKTIVITI-AKTIVITI PERSEKUTUAN SUKAN KOMANWEL**

9.1. **Mesuarat Sukan Komanwel Glasgow 2014 dan Konferens Pembangunan Sukan Komanwel Ke-2, 2008**

Cik Moira Tan, Pen. Setiausaha Kehormat MOM mewakili MOM di Mesuarat Sukan Komanwel Glasgow 2014 pada 11hb Jun 2008 dan Konferens Pembangunan Sukan Komanwel Ke-2 pada 12hb dan 13hb Jun 2008 di Glasgow, Scotland. Cik Low Beng Choo telah menghadiri Konferens Pembangunan Sukan Komanwel Ke-2 sebagai Naib Pengerusi CABOS. Mereka turut menghadiri Anugerah Sukan Komanwel Ke-27. Terdapat lebih kurang 78 delegasi daripada CGA, 44 orang penceramah, 8 orang perwakilan daripada Delhi 2010 dan Pune 2008 dan 136 orang lain-lain peserta menjadikan jumlah penyertaan seramai 266 orang.

9.2. **Sistem Pengurusan Pasukan Zeus CGF**

Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) telah menyelaraskan penggunaan Sistem Pengurusan Pasukan Zeus untuk semua 71 CGA dan CGF sendiri tanpa sebarang bayaran ke atas CGA, untuk pengurusan data dan pendaftaran ke jawatankuasa pengelola temasya sukan.

Demi memperkenalkan Sistem Pengurusan Pasukan Zeus, Encik Richard de Greon, Pengurus Pembangunan Pasukan Sukan CGF dan Encik Kevin Blair, kakitangan Data Torque, syarikat yang memajukan Sistem Pengurusan Pasukan Zeus, telah mengendalikan satu sesi taklimat dan demonstrasi untuk kakitangan CGA Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura pada 15hb Januari 2009. Encik Fong Wan Hor, Eksekutif Kanan MOM telah menghadiri sesi demonstrasi tersebut sebagai wakil CGA Malaysia.

Latihan komprehensif selama 5 hari untuk Sistem Pengurusan Pasukan Zeus telah dikelolakan di Wisma OCM, Kuala Lumpur mulai 20hb hingga 24hb April 2009 oleh Encik Richard de Greon, Pengurus Pembangunan Pasukan Sukan CGF dan Encik Kevin Blair, kakitangan Data Torque. Encik Zuraimi Abdul Sani daripada Persatuan Sukan Komanwel Brunei Darussalam, Encik Sujit Panigrahi daripada Jawatankuasa Pengelola Sukan Komanwel Delhi 2010 dan Cik Aishah Sabah daripada Persatuan Sukan Komanwel Maldives bersama-sama dengan 4 orang kakitangan MOM iaitu Encik Norhashimi Hussain, Encik Mohd Damanhuri Mohd Nasir, Puan Ng Swee Fong dan Puan Stephanie Rajagopal telah menghadiri latihan tersebut. Seorang wakil daripada setiap PSK berikut seperti Memanah, Olahraga, Badminton, Bola Keranjang, Pelayaran, Ping Pong dan Tenpin Boling turut menghadiri kursus ini pada hari terakhir dan sudah cekap mengoperasikan sistem tersebut untuk memasuk dan menguruskan maklumat atlet dan pegawai PSK masing-masing, untuk pendaftaran ke jawatankuasa pengelola temasya sukan, khususnya Sukan Komanwel Delhi 2010.

10. **PROGRAM PERPADUAN OLIMPIK**

10.1. **Kursus Lanjutan Pengurusan Sukan (ASMC)**

MOM telah meneruskan pengelolaan Kursus Lanjutan Pengurusan Sukan Pertama (ASMC) 2008 untuk ahli-ahli gabungan MOM. Sesi kursus ketiga dan keempat telah diadakan mulai 4hb hingga 7hb September dan mulai 20hb hingga 23hb November 2008. Sukatan pelajaran dan kandungan kursus adalah berdasarkan buku manual Managing Olympic Sport Organisations (MOSO) yang diterbitkan oleh Perpaduan Olimpik.

Perpaduan Olimpik telah memilih Encik Aloysius Lee untuk mengikuti latihan sebagai Pengarah Kursus ASMC mulai 1hb hingga 5hb November 2008. Pengarah Kursus ASMC pertama Malaysia yang dilatih oleh Perpaduan Olimpik adalah Cik Moira Tan Siew See.

Sesi pertama Kursus Lanjutan Pengurusan Sukan Kedua 2009 telah dikendalikan mulai 26hb Februari hingga 1hb Mac 2009. Daripada 32 orang yang terpilih, hanya 27 orang yang melaporkan diri untuk Kursus kali ini. Dalam 27 orang peserta tersebut, 5 orang adalah wanita. 27 orang peserta tersebut datang daripada pelbagai latarbelakang dan jawatan seperti Pemegang Jawatan, Pengurus Besar dan Eksekutif kepada Persatuan Sukan Kebangsaan dan Negeri, pengarah syarikat, pensyarah universiti, sukarelawan kelab sukan dan sebagainya. Sesi kedua hingga keempat akan diadakan pada bulan Mei, Ogos dan Oktober 2009.

10.2. **Biasiswa Olimpik Untuk Atlet**

Perpaduan Olimpik meneruskan Biasiswa Olimpik untuk Atlet “Beijing 2008” kepada 3 pemain Badminton elit iaitu YBhg Dato’ Lee Chong Wei, Koo Kien Keat dan Tan Boon Heong dan Pelayar Laser Dr. Kevin Lim. Dengan kelayakan keempat-empat atlet tersebut ke Sukan Olimpik Beijing 2008, Biasiswa Olimpik masing-masing telah dilanjutkan sehingga penghujung Ogos 2008.

10.3. **Kem Remaja Olimpik Beijing 2008**

Gimnas Remaja Kebangsaan Cik Tay Li Xin (18 tahun) dan Atlet Karate Remaja Kebangsaan Nagatheeban Govindasamy (18 tahun) telah menghadiri Kem Remaja Olimpik Beijing 2008 yang diadakan di Beijing mulai 5hb hingga 18hb Ogos 2008. Perbelanjaan kedua-dua peserta tersebut ditanggung bersama oleh Perpaduan Olimpik dan BOCOG.

10.4. **Seminar Pengurusan Sukan untuk Wanita**

Puan Salomi Haji Shaari daripada Persatuan Bolasepak Malaysia telah menghadiri Seminar tersebut di Lausanne mulai 1hb hingga 4hb September 2008.

10.5. **Biasiswa Olimpik Untuk Jurulatih**

Cik Stephanie Chok yang mewakili Malaysia dalam sukan Triathlon ke Sukan SEA Ke-24, 2007, telah dianugerahkan Biasiswa Olimpik Untuk Jurulatih untuk menghadiri Program Kejurulatihan Antarabangsa (ICECP) 2008. Kandungan Program tersebut adalah seperti berikut:-

- Pra-kerja kursus dalam bentuk projek persendirian untuk dikemukakan oleh jurulatih pada 21hb Ogos 2008.
- Modul 1 di Universiti Delaware mulai 21hb September hingga 11hb Otkober 2008.
- Modul 2 di Pusat Latihan USOC mulai 12hb hingga 29hb Oktober 2008.
- Modul 3 di Muzium Olimpik, Lausanne mulai 18hb hingga 22hb April 2009.

Beliau telah berjaya menamatkan kesemua modul dengan kepujian berdasarkan pembentangan akhir dan laporan beliau.

10.6. **Perpaduan Olimpik – Pertukaran NOC melalui Internship**

Perpaduan Olimpik telah memberi kebenaran kepada MOM sekali lagi untuk menjadi tuan rumah program pertukaran pada 2008. Encik Bader Ali Khalaf Awlad Thani, Timbalan Pengurus Pentadbiran dan Kewangan NOC Oman terpilih untuk menjalani internship di MOM. Program internship bagi Encik Bader Ali adalah dalam bidang pengelolaan acara, logistik dan pengurusan acara, khususnya dalam pengelolaan Kongres Sukan Untuk Semua Sedunia Ke-12 dan Majlis Makan Malam Tahunan MOM Ke-16 2008.

Dalam tempoh internship tersebut, Encik Bader Ali terlibat dalam pendaftaran delegasi dan logistik untuk Kongres Sukan Untuk Semua Sedunia Ke-12. Beliau turut menghadiri Konvensyen Sukan Kebangsaan 2008 anjuran Majlis Sukan Negara Malaysia di Kuala Lumpur pada 11hb dan 12hb November 2008 sebagai delegasi MOM. Beliau juga membantu dalam mengelolakan Forum Wanita dan Sukan di Asia OCA dan Seminar Wanita dan Sukan untuk Asia IOC mulai 26hb hingga 29hb November 2008. Beliau juga merupakan ahli jawatankuasa pengelola Seminar Acara Tahunan MOM Ke-8 pada 4hb Disember 2008, Majlis Makan Malam Tahunan MOM Ke-16 pada 12hb Disember 2008. Beliau menamatkan program internship di MOM pada 28hb Disember 2008.

10.7. **Kursus Teknikal Untuk Jurulatih Perpaduan Olimpik**

Kursus Kejurulatihan Bola Keranjang Lanjutan Perpaduan Olimpik telah berjaya dikelolakan oleh Persatuan Bola Keranjang Malaysia (MABA) mulai 25hb hingga 29hb November 2008 di Wisma MABA, Kuala Lumpur. Pakar daripada FIBA, Encik Nelson Isley dari Amerika Syarikat dan bekas jurulatih kebangsaan Mozambique telah mengendalikan Kursus Lanjutan untuk para jurulatih Bola Keranjang. Lebih kurang 40 orang jurulatih termasuk 6 orang jurulatih wanita dan 2 jurulatih dari Nepal dan seorang dari Vietnam. Kesemua jurulatih merasakan mereka telah banyak menimba ilmu daripada Jurulatih Asley dan menggunakan ilmu yang diperolehi dengan sepenuhnya sekembali ke negeri dan kelab masing-masing.

10.8. Forum Serantau Perpaduan Olimpik/Majlis Olimpik Asia Untuk Asia Tenggara 2009

Dato' Sieh Kok Chi, Setiausaha Kehormat MOM dan Encik Fong Wan Hor, Eksekutif Kanan MOM telah menghadiri Forum Serantau Perpaduan Olimpik/Majlis Olimpik Asia Untuk Asia Tenggara yang diadakan di Hotel Orchard, Singapura pada 13hb dan 14hb Februari 2009. 10 daripada 11 buah Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan (NOC) telah menghadiri untuk Forum tersebut.

Hari pertama, 13hb Februari 2009 telah dikhususkan untuk Perpaduan Olimpik dan OCA. Perpaduan Olimpik telah diwakili oleh Encik Olivier Niamkey dan Encik Edward Kensington, sementara Majlis Olimpik Asia (OCA) diwakili oleh Encik Husain Al-Musalam, Ketua Pengarah OCA dan Encik Reza Carim. Forum telah dimaklumkan bahawa jumlah bajet Perpaduan Olimpik bagi tempoh 2009 hingga 2012 adalah sejumlah US\$311 juta, iaitu peningkatan sebanyak 27% berbanding dengan bajet untuk empat tahun sebelumnya (2005 hingga 2008).

Taklimat untuk Temasya Sukan berikut yang akan berlangsung pada 2009 dan 2010 telah dibentangkan oleh Jawatankuasa Pengelola yang berkenaan pada 14hb Februari 2009:-

- Sukan Asia Seni Mempertahankan Diri Pertama 2009, di Bangkok mulai 25hb April hingga 3hb Mei 2009, dengan 9 jenis sukan dan 113 acara.
- Sukan Asia Remaja Pertama 2009, di Singapura mulai 29hb Jun hingga 7hb Julai 2009, dengan 9 jenis sukan dan 90 jenis acara untuk remaja lelaki dan perempuan yang dilahirkan dalam tahun 1992, 1993, 1994 dan 1995.
- Sukan Asia Dalam Dewan Ketiga 2009, di Vietnam mulai 30hb Oktober hingga 8hb November 2009, dengan 20 jenis sukan dan 1 sukan demonstrasi dengan 219 acara.
- Sukan Olimpik Remaja Pertama (YOG) 2010, di Singapura mulai 14hb hingga 26hb Ogos 2010, dengan 26 jenis sukan dan 201 acara.
- Sukan Asia Ke-16 2010, di Guangzhou, China mulai 12hb hingga 27hb November 2010, dengan 28 jenis sukan Olimpik dan 14 jenis bukan sukan Olimpik yang mengandungi 464 acara.

11. PENYERTAAN DALAM SUKAN ANTARABANGSA

11.1. Sukan Olimpik XXIX 2008, Beijing, China, 8hb hingga 24hb Ogos 2008

SPB Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin ibni Al-Mmarhum Sultan Mahmud Al-Mutafi Billah Shah, dengan rasminya menyerahkan Jalur Gemilang kepada Chef de Mission Kontinjen Malaysia ke Sukan Olimpik Beijing 2008, mendiang Dato' Ho Koh Chye di Istana Negara pada 25hb Julai 2008. Turut hadir adalah YAM Tunku Tan Sri Imran ibni Almarhum Tuanku Ja'afar, Presiden MOM dan YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Belia dan Sukan Malaysia.

Kontinjen Malaysia terdiri daripada 19 orang atlet lelaki dan 14 orang atlet wanita, dengan 33 orang pegawai pasukan lelaki dan seorang pegawai pasukan wanita dan 6 orang pegawai perubatan lelaki dan 2 orang pegawai perubatan wanita. Selepas dua Sukan Olimpik berturut-turut tanpa memenangi sebarang pingat, pemain Badminton YBhg Dato' Lee Cong Wei telah memenangi sebutir pingat perak dalam acara Badminton Perseorangan Lelaki. Keseluruhannya Kontinjen Malaysia telah menunjukkan persembahan yang baik, dengan kelayakan ke suku akhir atau tempat ke-8 atau memecahkan rekod kebangsaan:-

- Pemanah - Cheng Chu Sian, Muhammad Marbawi Sulaiman, Wan Mohd Khalmizam Wan Ab Aziz (layak ke suku akhir)
- Perenang - Daniel William Henry Bego, Siow Ti Ting (memecahkan rekod kebangsaan)
- Pemain Badminton - Koo Kien Keat dan Tan Boon Keong, Lee Wan Wah dan Choong Tan Fook, Wong Mew Choo (layak ke suku akhir)
- Berbasikal Trek - Mohd Azizulhasni Awang, Mohd Rizal Tisin dan Josiah Ng (mencatat rekod kebangsaan dalam acara Pecut Berpasukan dan menduduki tempat ke-7 & ke-8 dalam acara Keirin)
- Atlet Taekwondo - Che Chew Chan dan Elaine Teoh (tempat ke-8)
- Atlet Angkat Berat - Amirul Hamizan Ibrahim (tempat ke-8 dan mencatat rekod Kebangsaan)

11.2. Sukan Komanwel Remaja III, Pune, India, 12hb hingga 18hb Oktober 2008

Kontinjen Malaysia yang terdiri daripada 42 orang atlet dan 16 orang pegawai memenangi 13 butir pingat iaitu 3 pingat emas, 4 pingat perak dan 6 pingat gangsa untuk menduduki tempat ke-7 Keseluruhan Kedudukan Pingat. 33 buah negara daripada 71 buah negara yang mengambil bahagian telah memenangi pingat. Chef de Mission Kontinjen Malaysia adalah Encik Chua Ah Tok, Pengarah NOA Malaysia. Pecahan pungutan pingat Kontinjen Malaysia mengikut sukan adalah seperti berikut:

- Pingat emas – Badminton 1 dan Angkat Berat 2
- Pingat perak – Badminton 1 dan Menembak 3
- Pingat gangsa – Olahraga 1, Badminton 1, Menembak 2 dan Angkat Berat 2

11.3. **Sukan Asia Pantai Pertama, Bali, Indonesia, 18hb hingga 26hb Oktober 2008**

Malaysia telah mengambil bahagian dalam Sukan Asia Pantai Pertama di Bali dengan Kontinjen sebesar 44 orang atlet lelaki dan 26 orang atlet wanita dan 24 orang pegawai lelaki dan 4 orang pegawai wanita. Kontinjen Malaysia mengambil bahagian dalam 12 jenis sukan seperti berikut, Kabaddi Pantai, Pencak Silat Pantai, Sepaktakraw Pantai, Bolasepak Pantai, Bola Tampar Pantai, Bola Keranjang Pantai, Bina Badan, Paragliding, Pelayaran, Triathlon, Woodball dan Luncur Angin. Chef de Mission Kontinjen Malaysia adalah YBhg Dato' Seri Dr. Ibrahim Saad, Naib Presiden MOM.

Pungutan pingat Kontinjen Malaysia adalah seperti berikut: Pasukan Woodball memenangi 1 pingat emas, 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa, pasukan Bola Keranjang Lelaki dan pasukan Sepaktakraw Lelaki masing-masing memenangi 1 pingat gangsa, sementara pasukan Pencak Silat memenangi 1 pingat emas, 1 pingat perak dan 2 pingat gangsa.

11.4. **Festival Olimpik Remaja Australia Ke-5, Sydney, Australia, 14hb hingga 18hb January 2009**

Kontinjen Malaysia ke Festival Olimpik Remaja Australia Ke-5 terdiri daripada 41 orang remaja lelaki dan 25 orang remaja perempuan. Kontinjen telah mengambil bahagian dalam 8 jenis sukan iaitu Memanah, Terjun, Trek Berbasikal, Ekuestrian, Lawan Pedang, Gimnastik Artistik dan Berirama, Hoki (Lelaki) dan Menembak. Pegawai Pasukan terdiri daripada 26 orang lelaki dan 5 orang wanita. Chef de Mission Kontinjen Malaysia adalah Encik Jefri Ngadirin daripada Majlis Sukan Negara Malaysia.

Pasukan Menembak telah menunjukkan persembahan yang cemerlang dengan memenangi 4 pingat emas, 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa. Memanah memenangi 1 pingat perak dan penerjun memenangi 1 pingat perak dan 3 pingat gangsa.

12. **MESYUARAT ORGANISASI SUKAN ANTARABANGSA/SERANTAU**

12.1. **Persekutuan Sukan Komanwel (CGF)**

Dato' Sieh Kok Chi telah menghadiri Perhimpunan Agung Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) 2008 yang berlangsung di Banjul, Gambia mulai 18hb hingga 20hb November 2008 di Hotel Sheraton, Banjul. Pada 18hb November 2008, CGF telah mengadakan Seminar Pemasaran untuk semua CGA. Perhimpunan Agung CGF telah diadakan pada 19hb November 2008 dan pada sebelah pagi 20hb November 2008, sebuah Seminar Perancangan Pasukan Sukan telah diadakan. YAM Tunku Tan Sri Imran ibni Almarhum Tuanku Ja'afar dan YBhg Datuk Dr. M. Jegathesan telah menghadiri Perhimpunan Agung tersebut dengan kapasiti masing-masing sebagai Naib Presiden dan Penasihat Perubatan CGF.

12.2. **Majlis Olimpik Asia (OCA)**

YAM Tunku Tan Sri Imran ibni Almarhum Tuanku Ja'afar, Cik Low Beng Choo (Jawatankuasa Wanita dan Sukan) dan Dato' Sieh Kok Chi (Jawatankuasa Sukan) telah menghadiri Perhimpunan Agung OCA Ke-28 yang diadakan di Bali pada 18hb Oktober 2008. OCA telah menanggunghkan Sukan Asia Seni Mempertahankan Diri Pertama di Bangkok kepada 1hb hingga 9hb Ogos 2009.

12.3. **Persekutuan Sukan SEA (SEAGF)**

Dato' Sieh Kok Chi telah menghadiri Mesyuarat Luar Biasa Jawatankuasa Sukan dan Undang-Undang Persekutuan Sukan SEA di Vientiane, Laos pada 9hb dan 10hb September 2008. Perwakilan dari 11 buah NOC anggota Persekutuan Sukan SEA telah menghadiri mesyuarat. Objektif utama mesyuarat adalah untuk berbincang cadangan pindaan Undang-Undang dan Peraturan Persekutuan Sukan SEA.

YBhg Prof. Dato' Ar. W.Y.Chin telah menghadiri mesyuarat Majlis Persekutuan Sukan SEA, Jawatankuasa Eksekutif dan Jawatankuasa Sukan yang berlangsung di Vientiane, Laos mulai 11hb hingga 13hb November 2008. Sukan SEA Ke-25 akan mempertandingkan 25 jenis sukan dengan 390 acara.

12.4. **Bantuan kepada Jawatankuasa Pengelola Sukan SEA Laos**

Sebuah delegasi Malaysia yang diketuai oleh Tuan Haji Abdul Jalil Abdullah, Pengarah Bahagian Pengurusan Acara, Majlis Sukan Negara dengan Cik Aniceta Ferns (Bernama), Encik Nasrah Ahmad (Bernama), Encik Bhuvanenthiran Ampalavanar (Bernama), Encik Rosmanizam Abdullah (MOM) dan Tuan Haji Ahmad Mohd Idris (BAM) telah melawat Vientiane, Laos mulai 4hb hingga 7hb Mei 2009 bagi mengenalpasti aspek dimana Malaysia dapat membantu dalam pengelolaan Sukan SEA Ke-25.

13. **PROGRAM SUKAN UNTUK SEMUA 2008**

Projek Lawatan Sambil Belajar untuk Pemimpin Belia Sukan Asia di Jepun dikelolakan setiap tahun oleh Persatuan Sukan Amatur Jepun (JASA) dengan objektifnya untuk membangun dan mempropagandakan aktiviti sukan untuk belia-belia di Asia. Perwakilan MOM ke Projek Lawatan Sambil Belajar 2008 yang diadakan mulai 5hb hingga 12hb November 2008 adalah Encik Chok Kong Yu, 35 tahun, Ahli Jawatankuasa Eksekutif Persekutuan Karate Malaysia (MAKAF) dan Encik Muhammad Zul Izzi Ab. Manaff 24 tahun, Setiausaha Eksekutif, Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM).

14. **HOTEL OLIMPIK**

Pengubahsuaian dan naiktaraf kesemua bilik, coffee house, sistem tempat letak kereta dan bilik mesyuarat di Tingkat Bawah, Hotel Olimpik telah siap dalam Mei 2009. Ruang sambut tetamu di bahagian depan dan mengecat Hotel akan siap pada penghujung 2009.

15. **PENYERTAAN DALAM ACARA ANTARABANGSA**

Forum Sukan, Pendidikan dan Kebudayaan Sedunia VI di Busan, Korea

Dr. Tan Siew Eng telah menghadiri Forum di atas yang berlangsung di Busan, Korea mulai 25hb hingga 27hb September 2008. Dalam laporan, beliau telah mencadangkan supaya MOM mengenalpasti dua Projek untuk usahasama dengan Kementerian Pelajaran dan lain-lain selaras dengan Pelan Tindakan Busan.

16. **SEMINAR BERKENAAN CADANGAN PINDAAN AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997**

Pejabat Pesuruhjaya Sukan telah mengelola Seminar berkenaan cadangan Pindaan Akta Pembangunan Sukan 1997 pada 30hb Ogos 2008 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Lebih kurang 100 orang perwakilan daripada Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) termasuk MOM telah menghadiri Seminar tersebut. MOM telah diwakili oleh YBhg Prof. Dato' Ar. W.Y.Chin, YBhg Dato' Roy Rajasingham dan Dato' Sieh Kok Chi. YBhg Dato' Seri Kee Yong Wee turut menghadiri Seminar tersebut dengan kapasiti beliau sebagai Presiden Persekutuan Wushu Malaysia. Cik Moira Tan Siew See dan Encik Ramlay Ibrahim juga hadir mewakili PSK masing-masing.

Selepas sesi plenary, para peserta telah dibahagikan kepada 3 bengkel bagi membincangkan butiran cadangan pindaan. Pada penghujung Seminar, semua pandangan, komen dan cadangan oleh MOM dan PSK telah dirakamkan. Cadangan daripada para peserta adalah supaya Pejabat Pesuruhjaya Sukan dapat meneliti semua komen yang dibentangkan semasa Seminar dan berbincang lanjut dengan MOM sebelum cadangan pindaan diputuskan.

17. **PELAWAT-PELAWAT KE MOM**

17.1. **Lawatan oleh Universiti Pendidikan Bandung, Indonesia**

Delegasi Universiti Pendidikan Bandung yang terdiri daripada 35 orang pensyarah dan pelajar telah melawat ke Malaysia mulai 22hb hingga 23hb Julai 2008. MOM telah mengelola satu seminar pada 23hb Julai 2008 di Wisma OCM untuk tetamu tersebut. Semasa seminar, taklimat telah disampaikan oleh Majlis Sukan Negara, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia, Sekolah Sukan Bukit Jalil dan MOM. MOM telah mengadakan majlis makan tengahari untuk delegasi Indonesia selepas seminar tersebut.

17.2. **Lawatan oleh Pemimpin Majlis Perbandaran Sheffield**

Ahli Majlis Paul Scriven, Pemimpin Majlis Perbandaran Sheffield dan Encik Daniel Klemm, Pengurus Antarabangsa Pembentukan Sheffield telah melawat MOM pada 16hb Mac 2009 untuk berbincang akan kemungkinan menggunakan Sheffield sebagai pengkalan bagi persiapan pasukan Sukan Olimpik Malaysia ke Sukan Olimpik London 2012.

17.3. **Lawatan Skop Inspirasi Antarabangsa ke Malaysia**

Sebuah delegasi yang diketuai oleh Encik Youssouf Oomar, perwakilan unicef ke Malaysia, Cik Debbie Lye, Ketua Kesan Sedunia UK Sport, Encik Nick Fuller, Ketua Pendidikan Jawatankuasa Pengelola Sukan Olimpik London (LOCOG) dan rakan-rakan sejawat telah bermesyuarat bersama YBhg Dato' Roy Rajasingham, Naib Presiden MOM, Dato' Sieh Kok Chi, Setiausaha Kehormat MOM dan perwakilan daripada Majlis Sukan Negara pada 24hb Mac 2009 di Wisma OCM, Kuala Lumpur.

Mesyuarat tersebut bertujuan menilai samada Malaysia boleh menjadi salah sebuah negara peserta untuk Projek “Inspirasi Antarabangsa” usahasama UK Sport, British Council dan unicef, disokong oleh Persatuan Olimpik British dan Jawatankuasa Pengelola Sukan Olimpik London (LOCOG).

Cik Debbie Lye, Ketua Kesan Sedunia UK Sport telah memberi taklimat kepada mesyuarat berkenaan projek tersebut yang menggunakan pengaruh Sukan untuk mengubah kehidupan remaja. Cik Lye memberitahu bahawa sejumlah 20 buah negara di seluruh dunia akan mengambil bahagian dalam projek tersebut. Projek tersebut sedang dilaksanakan di Zambia, Azerbaijan, India dan Palau dan akan dijalankan di Bangladesh, Ghana, Jordan, Mozambique dan Trinidad & Tobago. Mesyuarat telah bertukar pandangan mengenai bentuk program dan aktiviti untuk diadakan, negeri pelaksanaan dan makna pelaksanaan program dan aktiviti yang berkenaan. Cik Lye menekan kepada 3P iaitu Pembuat Polisi, Pengamal dan Peserta, ke arah menjayakan pelaksanaan projek dan kepentingan untuk meninggalkan satu supaya program dan aktiviti tersebut dapat diteruskan, selepas tamatnya projek tersebut. Mesyuarat turut menyentuh akan kemungkinan melaksanakan projek tersebut di Sabah dan Sarawak.

Selain bermesyuarat dengan MOM dan MSN, delegasi tersebut turut berjumpa dengan perwakilan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, dan lawatan ke Kota Kinabalu, Sabah dimana mereka berjumpa dengan perwakilan daripada Kerajaan Negeri Sabah.

18. PERLANTIKAN

- YBhg Dato’ Roy Rajasingham telah dilantik sebagai ahli Suruhanjaya Keadilan FIH untuk tempoh 2 tahun 2009 dan 2010 oleh Lembaga Eksekutif Persekutuan Hoki Antarabangsa (FIH).
- Cik Low Beng Choo telah dilantik sebagai Naib Pengerusi Badan Penasihat Komanwel dalam Sukan (CABOS) dan juga dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Anugerah Sukan Negara dan Pengerusi Jawatankuasa Teknikal SUKMA XII 2010 oleh YB Menteri Belia dan Sukan Malaysia.
- YBhg Prof. Dato’ Ar. W.Y.Chin, telah dilantik sebagai ahli Lembaga Kejurulatihan Kebangsaan mulai 1hb Januari 2009 hingga 31hb Disember 2010 dan juga ahli Panel Penasihat Sukan oleh YB Menteri Belia dan Sukan Malaysia.

19. PERSATUAN SUKAN KEBANGSAAN

Dalam tempoh masa tersebut, individu berikut telah terpilih untuk menerajui PSK masing-masing:-

- YBhg Tan Sri Chan Kong Choy dan YB Dato’ Sri Ong Tee Keat telah terpilih sebagai Penaung sementara YBhg Dato’ Tang See Hang, Encik Chan Foong Keong dan Encik Han Kee Juan masing-masing terpilih sebagai Presiden, Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat ketika Mesyuarat Agung Tahunan 2008 Persatuan Ping Pong Malaysia (TTAM) pada 14hb Jun 2008.
- YAM Tunku Tan Sri Imran ibni Almarhum Tuanku Ja’afar, Presiden MOM dan Ahli IOC di Malaysia telah terpilih semula sebagai Presiden Persatuan Kriket Malaysia (MCA) pada 14hb Februari 2009. Encik C. Sivanandan dan Encik Ahmad Feisal Ahmad Tajudin masing-masing terpilih sebagai Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat.
- YBhg Dato’ A. Sani Karim, Presiden Persatuan Squash Malaysia (SRAM) telah terpilih sebagai Presiden Persekutuan Squash Asia Ke-5 pada Perhimpunan Agung Tahunan Persekutuan Squash Asia Ke-29 di Chennai, India pada 23hb Januari 2009.

20. ANUGERAH SUKAN NEGARA 2008

Anugerah Sukan Negara 2008 telah diadakan pada 23hb Mac 2009 di Grand Ballroom, Mandarin Oriental, Kuala Lumpur. Berikut adalah senarai pemenang bagi pelbagai Anugerah yang telah disampaikan pada malam tersebut:-

- Olahragawan Kebangsaan - YBhg Dato’ Lee Chong Wei (Pemenang Pingat Perak Badminton Perseorangan Lelaki Sukan Olimpik Beijing 2008)
- Olahragawati Kebangsaan - YBhg Dato’ Nicol Ann David (Juara Squash Wanita Sedunia 2008)
- Pasukan Lelaki Kebangsaan - Pasukan Memanah Olimpik Lelaki Malaysia (Suku Akhir Sukan Olimpik Beijing 2008)
- Pasukan Wanita Kebangsaan - Pasukan Squash Wanita Malaysia (Juara Pasukan Wanita Asia 2008)
- Jurulatih Kebangsaan Lelaki - YBhg Dato’ Mohmed Misbun Dato’ Haji Sidek (Badminton - Jurulatih kepada YBhg Dato’ Lee Chong Wei)
- Jurulatih Wanita Kebangsaan - Tiada pemenang
- Anugerah Kepimpinan Sukan - Mendiang Dato’ Ho Koh Chye (Chef de Mission, Kontinjen Malaysia ke Sukan Olimpik Beijing 2008)
- Anugerah Khas - Cik Petrina Low (Gimnastik Berirama)
- Olahragawan Kebangsaan Atlet Kurang Upaya - Encik Zul Amirul Sidi bin Abdullah (Renang)

- Olahragawati Kebangsaan Atlet Kurang Upaya - Cik Siow Lee Chan (Power Lifting - Pingat Gangsa di Sukan Paralimpik Beijing 2008)

21. PINGAT DAN DARJAH KEBESARAN SERTA ANUGERAH UNTUK INDIVIDU

Bersempena dengan sambutan Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah pada 7hb Jun 2008, individu berikut telah dikurniakan Darjah Kebesaran atas perkhidmatan dan sumbangan mereka kepada pembangunan sukan di Malaysia:-

- YABhg Tun Dr. Lim Keng Yaik, bekas Presiden Persekutuan Wushu Malaysia dan Naib Presiden Persekutuan Wushu Antarabangsa – Seri Setia Mahkota Malaysia (SSM) yang membawa gelaran ‘Tun’
- YABhg Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, Presiden Persekutuan Lawn Bowls Malaysia – Seri Setia Mahkota Malaysia (SSM) yang membawa gelaran ‘Tun’
- YBhg Dato’ Nicol Ann David (Squash) – Darjah Bakti (DB)
- YBhg Tan Sri Chan Kong Choy, bekas Presiden Persatuan Ping Pong Malaysia – Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran ‘Tan Sri’
- YBhg Prof. Tan Sri Dato’ Dr. Khoo Kay Kim, Pengkaji Sejarah Sukan – Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran ‘Tan Sri’
- Encik Loong Chek Hock (Wushu) – Ahli Mangku Negara (AMN)
- Encik Chan Foong Keong (Ping Pong) – Ahli Mangku Negara (AMN)
- Encik Subramaniam Annamalai (Olahraga) – Ahli Mangku Negara (AMN)
- Puan Yuan Yu Fang (Olahraga) – Ahli Mangku Negara (AMN)

Bersempena dengan sambutan Hari Jadi Tuan Yang Terutama Tun Dato’ Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 12hb Julai 2008, YBhg Dato’ Nicol Ann David, Juara Squash Wanita Sedunia telah dikurniakan Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang membawa gelaran Dato’. Beliau merupakan penerima gelaran Dato’ yang termuda di Pulau Pinang.

Bersempena dengan sambutan Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, DYMM Tuanku Ja’afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman pada 19hb Julai 2008, YBhg Dato’ Ng Boon Bee salah seorang lagenda Badminton Negara telah dikurniakan Darjah Dato’ Paduka Tuanku Ja’afar (DPTJ) yang membawa gelaran Dato’.

Berdasarkan pencapaian mereka yang cemerlang di Sukan Olimpik Beijing 2008, YBhg Dato’ Mohmed Misbun Dato’ Haji Sidek telah dikurniakan Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) yang membawa gelaran Dato’ oleh Tuan Yang Terutama Tun Mohd Khalil Yaakob, Yang di-Pertua Negeri Melaka pada 28hb Ogos 2008 dan YBhg Dato’ Lee Chong Wei telah dikurniakan Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato’ Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 30hb Ogos 2008 yang membawa gelaran Dato’.

Bersempena dengan sambutan Hari Keputeraan DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah, Sultan Negeri Selangor Darul Ehsan pada 11hb Disember 2008, Pemain Boling kebangsaan, Cik Shalin Zulkifli telah dikurniakan Darjah Kebesaran Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (SIS).

YAM Tunku Tan Sri Imran ibni Almarhum Tuanku Ja’afar, Presiden MOM dan Ahli IOC telah dianugerahkan Doktor Falsafah Kehormat daripada Akademi Sukan Amerika Syarikat (USSA) pada 21hb Mac 2009 di Daphne, Alabama, Amerika Syarikat.

22. BERITA KEMATIAN

MOM dengan dukacitanya mengucapkan takziah dan melaporkan berita kematian dalam tempoh masa tersebut:-

- DYMM Tuanku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Almarhum Tuanku Ja’afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, yang telah mangkat pada 27hb Disember 2008. Almarhum Tuanku Ja’afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman pernah menjadi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia Ke-10 mulai 1994 hingga 1999. Almarhum Tuanku Ja’afar merupakan Ayahanda kepada YAM Tunku Tan Sri Imran ibni Almarhum Tuanku Ja’afar, Presiden MOM dan Ahli IOC di Malaysia.
- Mendiang Dato’ Ho Koh Chye yang pernah mewakili Malaysia dalam Hoki ke Sukan Olimpik 1964 dan 1968 dan juga Chef de Mission Kontinjen Malaysia ke Sukan Olimpik Beijing 2008 telah meninggal dunia pada 3hb Disember 2008 pada usia 66 tahun.
- Mendiang Encik Jimmy Lim Chee Min, yang pernah mewakili Malaysia dalam Menembak Skeet ke Sukan Olimpik 1988, telah meninggal dunia pada 11hb Disember 2008 pada usia 53 tahun.

- Mendiang Encik Sunny Hon, Penembak Skeet Kebangsaan telah meninggal dunia pada 8hb Mac 2009 pada usia 59 tahun.
- Allahyarham Tuan Haji Kamaruddin Maidin yang pernah mewakili Malaya dalam acara Lompat Jauh ke Sukan Olimpik 1960 telah meninggal dunia pada 19hb April 2009 pada usia 67 tahun.
- Allahyarham Encik Sidique Ali Merican, Juara Pecut Malaya (1949 hingga 1954), Penolong Setiausaha Kehormat MOM (1974-1986) dan Ketua Pengarah, Bahagian Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia (1981 hingga 1985) telah meninggal dunia pada 12hb Mei 2009 pada usia 79 tahun.

23. **PENGHARGAAN**

Presiden dan Ahli-Ahli Gabungan MOM ingin merakamkan penghargaan kepada:-

- Kerajaan Malaysia atas sokongan dan bantuan kewangan yang telah diberikan
- YABhg Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi, bekas Perdana Menteri Malaysia
- YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia
- YB Dato' Ahmad Shabery Cheek, Menteri Belia dan Sukan Malaysia
- YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, bekas Menteri Belia dan Sukan Malaysia
- YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pelajaran Malaysia
- Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
- Kementerian Pelajaran Malaysia
- Panel Penasihat Sukan Malaysia
- Majlis Sukan Negara Malaysia
- Institut Sukan Negara Malaysia
- Pesuruhjaya Sukan Malaysia
- Datuk Bandar Kuala Lumpur
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- Polis DiRaja Malaysia
- Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa dan Perpaduan Olimpik
- Persatuan Jawatankuasa-Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan
- Majlis Olimpik Asia
- Persekutuan Sukan Komanwel
- Persekutuan Sukan SEA
- Penaja-penaja dan Rakan Korporat MOM
- Para penderma MOM
- Hotel Olimpik, Kuala Lumpur
- Pihak Media Cetak dan Elektronik
- Ahli-Ahli Majlis, Lembaga Eksekutif dan Jawatankuasa-jawatankuasa MOM atas segala bantuan dan sumbangan yang telah diberikan
- Semua sukarelawan dan kakitangan MOM
- Kepada semua yang telah memberikan bantuan dan sokongan kepada MOM



(Dato' Sieh Kok Chi)
Setiausaha Kehormat
untuk dan bagi pihak
Lembaga Eksekutif dan Majlis, Majlis Olimpik Malaysia

15hb Mei 2009